



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
PENGGUNAAN LOGO RASMI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Unit Komunikasi Korporat (UKK) sering menerima permohonan penggunaan logo rasmi KP di bahan-bahan promosi bagi program dan aktiviti anjuran daripada Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KPM, individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan.
- 1.2 Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM ini dikeluarkan untuk rujukan dan panduan kepada Bahagian/Jabatan/Agensi, syarikat korporat NGO dan agensi kerajaan yang ingin bekerjasama dengan KPM dalam melaksanakan semua program.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai prosedur dan tatacara penggunaan logo rasmi KPM serta peraturan-peraturan penggunaan logo yang ditetapkan kepada individu, NGO, syarikat dan agensi kerajaan untuk kelulusan penggunaan logo rasmi KPM.
- 2.2 Mewujudkan mekanisme yang sistematik bagi memproses kelulusan permohonan penggunaan logo rasmi KPM.
- 2.3 Garis panduan ini terpakai kepada semua Bahagian, Jabatan Agensi di bawah KPM, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah serta syarikat korporat, NGO dan agensi kerajaan.

3. OBJEKTIF

- 3.1. Melindungi logo rasmi KPM daripada diekplotasi.
- 3.2. Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo rasmi KPM.
- 3.3. Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi KPM melalui penggunaan logo secara sah dan bersesuaian.

4. KELULUSAN PENGGUNAAN LOGO KPM

- 4.1 Kelulusan penggunaan logo diberikan kepada program yang tidak menyentuh sensitiviti dan keharmonian masyarakat dari segi agama, kaum, budaya serta tidak bertentangan dengan peranan dan tanggungjawab KPM.

5. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO

- 5.1 Surat permohonan perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) KPM sekurang-kurangnya **30 hari bekerja berserta dokumen lengkap** sebelum tarikh penggunaan logo.
- 5.2 UKK KPM akan memproses permohonan dengan merujuk kepada Bahagian/Jabatan/Agensi berkaitan sekiranya perlu sebelum mengemukakan syor kepada Ketua Setiausaha (KSU) KPM.

- 5.3 Kelulusan penggunaan logo rasmi KPM hanya diberikan oleh **Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri** sahaja.
- 5.4 Pemohon akan dimaklumkan keputusan permohonan penggunaan logo setelah mendapat kelulusan daripada **Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri**.

6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 6.1 Penggunaan logo rasmi KPM untuk tujuan hebahan dan publisiti program di *banner, bunting, backdrop, wall of fame*, poster, portal, media sosial dan semua bentuk promosi perlu mendapat kelulusan KPM terlebih dahulu.
- 6.2 Pemohon perlu memaklumkan tarikh penggunaan logo iaitu tarikh mula program dan tarikh tamat program. Penggunaan logo rasmi KPM hanya boleh bermula **1 minggu** sebelum program dan tamat pada tarikh akhir program bagi program peringkat nasional dan **2 minggu** sebelum program bagi program antarabangsa.
- 6.3 Pemohon **WAJIB** mengemukakan rekaan *banner, bunting, backdrop, wall of fame, poster, portal* atau sebarang bentuk hebahan yang menggunakan logo rasmi KPM bersama surat permohonan untuk kelulusan.

- 6.4 Pemohon juga diwajibkan untuk mengemukakan sesalinan latar belakang/maklumat dan atur cara penuh program.
- 6.5 Penggunaan logo rasmi KPM pada sijil penyertaan atau sijil penghargaan tertakluk kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat korporat, NGO **dengan kerjasama KPM/Bahagian/Jabatan/Agensi di bawahnya sahaja**. Bagi program yang dijalankan oleh pihak luar tanpa kerjasama daripada KPM/Bahagian/Jabatan dan Agensi, penggunaan logo di sijil penyertaan atau sijil penghargaan **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- 6.6 KPM berhak untuk menolak sebarang permohonan penggunaan logo rasmi KPM yang didapati tidak bersesuaian dengan program atau aktiviti yang dijalankan.
- 6.7 KPM berhak **mengambil tindakan** ke atas mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo rasmi KPM bagi tujuan yang dinyatakan di atas dan penggunaan logo yang tidak mendapat kelulusan.

7. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN LOGO

- 7.1 Logo rasmi KPM **TIDAK DIBENARKAN** untuk digunakan bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan dan dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada pihak pemohon.

- 7.2 Kebenaran penggunaan logo rasmi KPM yang diberikan adalah bagi tempoh yang terhad yang dinyatakan secara bertulis – tiada kelulusan terbuka.
- 7.3 Penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program mendapat kelulusan menggunakan logo rasmi KPM agar tidak menjelaskan imej KPM dan negara.
- 7.4 Kelulusan penggunaan logo rasmi KPM boleh ditarik balik atau dibatalkan dengan tanpa notis sekiranya pemohon menyalahgunakan logo rasmi KPM dan didapati menyalahi undang-undang atau dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya.
- 7.5 KPM adalah tidak bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa bentuk liabiliti, isu, krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program dan perkara-perkara lain yang berkaitan walaupun kelulusan penggunaan logo rasmi KPM telah diberikan.

8. PENGGUNAAN LOGO TANPA KEBENARAN


- 8.1 Pihak KPM boleh melaporkan kepada pihak berkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia jika terdapat penyalahgunaan logo rasmi KPM serta mendapati logo rasmi digunakan tanpa mendapatkan kebenaran KPM.

9. PENGHANTARAN PERMOHONAN

Permohonan penggunaan logo rasmi KPM mestilah dialamatkan kepada:

Ketua Komunikasi Korporat,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 9, Blok E12, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA.

10. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO RASMI KPM




11. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Nama Teks	Arial
Saiz Teks	50
Warna Teks	Hitam
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5 cm

12. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF EDUCATION


Nama Teks	Arial
Saiz Teks	50
Warna Teks	Hitam
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

13. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN – TEKS PUTIH



Nama Teks	Arial
Saiz Teks	50
Warna Teks	Putih
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

14. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN – TEKS PUTIH (BAHASA INGGERIS)



Nama Teks	Arial
Saiz Teks	50
Warna Teks	Putih
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

15. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT BAHAGIAN/AGENSI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Nama Teks	Arial
Saiz Teks KPM	50
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44
Warna Teks	Hitam
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm
Spacing di antara teks KPM Dan teks Bahagian/Agensi	1cm

16. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

Nama Teks	Arial
Saiz Teks KPM	50
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44
Warna Teks	Hitam
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm
Spacing di antara teks KPM Dan teks Bahagian/Agensi	1cm

17. KEDUDUKAN DUA (2) LOGO



LOGO LAIN

18. CONTOH KEDUDUKAN TIGA (3) ATAU GANJIL BILANGAN LOGO

LOGO LAIN
(kedua)



LOGO LAIN
(ketiga)

19. CONTOH KEDUDUKAN EMPAT (4) ATAU GENAP BILANGAN LOGO

LOGO LAIN
(ketiga)



LOGO LAIN
(kedua)

LOGO LAIN
(keempat)

* Susunan logo tertaluk kepada protokol negeri jika program dijalankan di Negeri.

20. SUSUNAN MENGIKUT KEKANANAN SESUATU MAJLIS

LOGO (1)

LOGO (2)

Susunan Genap:

<1><2>
<3><1><2><4>

LOGO (2)

LOGO (1)

LOGO 3)

Susunan Ganjil:

<2><1><3>
<4><2><1><3><5>

* Susunan logo tertaluk kepada protokol negeri jika program dijalankan di negeri.

21. SUSUNAN LOGO BAGI PROGRAM ANJURAN KPM BERSAMA-SAMA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPM ATAU PIHAK LUAR

a) Program Dalaman:



Susunan Genap:
<1:KPM> <2:DBP>

b) Program Luar:



Susunan Genap:
<1:KPM> <2:KBS>

c) Program anjuran KP dengan kerjasama KBS



<3> <1> <2><4>

Nota: Program KPM dengan kerjasama KBS yang melibatkan DBP dan MSN.

* Susunan logo tertaluk kepada protokol negeri jika program dijalankan di negeri

22. PROGRAM ANJURAN KPM BERSAMA-SAMA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPM ATAU BERSAMA-SAMA PIHAK LUAR

a) Program Dalaman:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Susunan Ganjil:

<2: DBP> <1:KPM><3:MPM>

b) Program Anjuran KPM dan kerjasama KBS dan JPA:



Susunan: <4> <2> <1><3><5>

Nota: Program KPM dengan kerjasama KBS dan JPA yang melibatkan DBP dan MSN.

* Susunan logo tertaluk kepada protokol negeri jika program dijalankan di negeri.

23. PROGRAM ANJURAN JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPM ATAU BERSAMA-SAMA PIHAK LUAR YANG MELIBATKAN PENAJAAN SWASTA

a) Program Luar:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SYARIKATA

Susunan Genap:
<1 :KPM> <2:SA>

b) Program Anjuran Syarikat A dengan kerjasama KPM, JPA dan penaja lain:

SYARIKAT A



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



SYARIKAT B

Susunan: <3> <1> <2> <4>

Nota: Sekiranya Penaja Utama adalah Syarikat A dan penaja kecil adalah Syarikat B.

24. PROGRAM ANJURAN JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KP ATAU BERSAMA-SAMA PIHAK LUAR YANG MELIBATKAN PENAJAAN SWASTA

a) Program Luar:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SYARIKATA

Susunan Ganjil:

<2: JPA><1 :KPM> <3:SA>

b) Program Anjuran Syarikat A dengan kerjasama KPM, JPA dan penaja lain:

SYARIKATA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



SYARIKAT B

Susunan: <4> <2> <1> <3> <5>


Nota: Program Syarikat A dan KPM dengan kerjasama KBS dan JPA serta penaja kecil Syarikat B.

- * Susunan logo tertakluk kepada protokol negeri jika program dijalankan di negeri

25. CONTOH LOGO KPM PADA BANNER



26. CONTOH LOGO KPM PADA BUNTING



27. CONTOH LOGO KP PADA POSTER/INFOGRAFIK



28. SUSUNAN KEKANANAN

Susunan kekanananan Kementerian adalah berdasarkan kekanananan Jemaah Menteri.

Sumber: Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri.

Begitu juga dengan kekanananan Agensi di bawah KPM adalah berdasarkan gred Jawatan Ketua Jabatan bagi Agensi tersebut.

Walau bagaimanapun, kekanananan susunan logo Kementerian/Jabatan/Agensi adalah bergantung kepada penglibatan Kementerian/Jabatan/Agensi di dalam majlis yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan Kerajaan.